

MENGEJA KATA MAJMUK

Oleh **MUNSYI JAWI**

Kata majmuk lazimnya dieja terpisah tetapi ada juga yang dieja bercantum sebagai perkataan yang utuh.

Permasalahan mengeja kata ganda telah dibincangkan dalam keluaran yang lalu. Selain kata ganda, ada perkataan dalam bahasa Melayu yang terbentuk menerusi proses pemajmukan. Jika dalam ruangan sebelum ini contoh yang selalu digunakan adalah berbentuk kata tunggal tetapi dalam ruangan kali ini perbincangan akan difokuskan kepada aspek mengeja perkataan yang terhasil daripada gabungan kata seperti kata majmuk dan rangkai kata. Adakah terdapat perubahan ejaan dalam tulisan Jawi apabila dua kata tunggal digabungkan menjadi satu perkataan?

Pada dasarnya, perkataan boleh terbentuk menerusi beberapa proses, sama ada proses penerbitan, pemajmukan ataupun penggandaan. Menurut *Tatabahasa Dewan*, proses penerbitan melibatkan pembentukan kata melalui pemberian imbuhan sama ada awalan, akhiran, sisipan atau apitan. Pemajmukan pula ialah proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih untuk membentuk

perkataan baharu yang membawa makna tertentu. Pembentukan kata menerusi proses penggandaan sebaliknya memperlihatkan proses pengulangan kata dasar sepenuhnya, atau sebahagian sahaja atau berdasarkan pengulangan bunyi-bunyi tertentu dalam kata dasar. Untuk keluaran ini, tumpuan akan diberikan pada aspek perubahan ejaan akibat proses pemajmukan.

Kata majmuk lazimnya dieja terpisah tetapi ada juga yang dieja bercantum sebagai perkataan yang utuh. Bagi kata majmuk yang ditulis secara terpisah, perubahan ejaan tidak berlaku. Hal ini dapat dilihat dengan jelas pada perkataan

Jadual 1 Kata majmuk ditulis terpisah.

Kata Tunggal		Kata Ganda	
Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
hari + raya	هاري + راي	hari raya	هاري راي
cahaya + mata	جهاي + مات	cahaya mata	جهاي مات

“hari raya” yang terbentuk daripada dua kata tunggal, iaitu “hari” dan “raya”. Kedua-dua kata tunggal yang membentuk kata majmuk ini dieja secara terpisah seperti dalam tulisan Rumi dan contoh ejaannya ditunjukkan dalam Jadual 1.

Bagi kata majmuk yang ditulis serangkai, ada yang mengalami perubahan ejaan dan ada juga yang tidak mengalami perubahan. Bagi kata majmuk seperti “apabila”, “manakala”, dan “matahari”, berlaku sedikit perubahan ejaan pada perkataan pertama. Hal ini demikian kerana unsur pertama kata majmuk ini terdiri daripada perkataan berakhir dengan bunyi [a] yang dieja tanpa huruf *alif*.

Jadual 2 Kata majmuk ditulis serangkai yang mengalami perubahan ejaan.

Kata Tunggal		Kata Ganda	
Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
apa + bila	اف + بيلا	apabila	افا بيلا
mana + kala	مان + كالا	manakala	مانا كالا
mata + hari	مات + هاري	matahari	ماتاهاري

Jadual 3 Kata majmuk ditulis serangkai yang tidak mengalami perubahan ejaan.

Kata Tunggal		Kata Ganda	
Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
bumi + putera	بومي + فوترا	bumiputera	بومي فوترا
jawatan + kuasa	جاواتن + كواس	jawatankuasa	جاواتن كواس
tanda + tangan	تندا + تاغن	tandatangan	تندا تاغن

Jadual 4 Kata majmuk ditulis terpisah.

Kata Tunggal		Kata Ganda	
Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
setia + usaha	ستيا + اوسها	setiausaha	ستيا وسها
panca + indera	فنجنا + ايندرا	pancaindera	فنجنا ايندرا

Oleh itu, huruf *alif* ini hendaklah diwujudkan sebelum dirangkaikan dengan unsur kedua. Contoh ejaan perkataan-perkataan ini dapat dilihat dalam Jadual 2.

Hal ini berbeza dengan kata majmuk seperti “bumiputera”, “jawatankuasa” dan “tandatangan”. Meskipun dieja serangkai, perkataan-perkataan ini tidak mengalami perubahan dari aspek ejaan kerana unsur pertama perkataan ini tidak diakhiri oleh

Perubahan berlaku apabila pemajmukan seperti melibatkan dua huruf *alif*.

kedua pula bermula dengan bunyi [a]? Perubahan berlaku berlaku apabila pemajmukan melibatkan dua huruf *alif*. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam perkataan “setiausaha” yang terbentuk daripada gabungan dua kata tunggal, iaitu “setia” dan “usaha”. Perkataan “setia” diakhiri dengan huruf *alif*, manakala perkataan “usaha” dimulai dengan huruf *alif*. Dalam kes ini, hanya huruf *alif* pada akhir perkataan pertama dikedalkan manakala huruf *alif* pada perkataan kedua perlu ditukar menjadi huruf *hamzah*. Kaedah ini hanya boleh digunakan apabila perkataan yang kedua bermula dengan vokal selain [a]. Contoh perkataan-perkataan lain yang menggunakan kaedah yang sama ialah “pancaindera”. Contoh ejaan perkataan tersebut diperturunkan dalam Jadual 4. Dengan penjelasan ini, ternyata bahawa ada kata tunggal yang mengalami perubahan ejaan dan ada juga yang tidak mengalami perubahan ejaan apabila digabungkan menjadi kata majmuk. Oleh itu, pencinta tulisan Jawi seharusnya peka terhadap perubahan ini supaya kata majmuk ini dapat dieja dengan tepat mengikut kesesuaian jenisnya seperti yang dijelaskan. **DB**